

## PERMOHONAN PEMBATALAN SEKATAN PERJALANAN MELALUI e-SEKATAN PERJALANAN

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) dengan ini memaklumkan bahawa mulai 4 Mac 2024, permohonan pembatalan sekatan perjalanan boleh dibuat secara dalam talian menerusi perkhidmatan “e-Sekatan Perjalanan” yang boleh diakses melalui Portal MyTax <https://mytax.hasil.gov.my/> atau melalui portal rasmi HASiL <https://www.hasil.gov.my/> > **MyTax** > **Perkhidmatan ezHasil** > **e-Sekatan Perjalanan**.

Permohonan bagi pembatalan sekatan perjalanan ini, hanya dibenarkan kepada pemohon yang memenuhi semua kriteria seperti berikut:

- Sekatan perjalanan melibatkan individu warganegara Malaysia;
- Sekatan perjalanan yang dikenakan di bawah Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967;
- Selain sekatan perjalanan yang dikenakan ke atas pengarah syarikat; dan
- Membuat bayaran penuh amaun tunggakan cukai.

Bagi tujuan bayaran penuh amaun tunggakan cukai, pemohon digalakkan menggunakan perkhidmatan ByrHASiL [https://byrhasil.hasil.gov.my/HITS\\_EP/](https://byrhasil.hasil.gov.my/HITS_EP/) atau menerusi perbankan internet bank terpilih dengan menggunakan Nombor Bil sekatan

perjalanan. Permohonan yang layak akan diproses dalam tempoh lima (5) hari dan status permohonan akan dimaklumkan melalui e-mel atau notifikasi peti mel MyTax pembayar cukai.

Permohonan pembatalan sekatan perjalanan juga boleh dilakukan dengan prosedur dan saluran sedia ada iaitu dengan menghubungi pejabat HASiL berhampiran atau HASiL Contact Centre di talian 03-8911 1000.

Maklumat lanjut berkenaan perkhidmatan e-Sekatan Perjalanan boleh dirujuk pada soalan lazim permohonan pembatalan sekatan perjalanan melalui e-Sekatan Perjalanan di Portal Rasmi HASiL.

Untuk sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- a) Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; atau
- c) Borang Maklum Balas di Portal Rasmi HASiL di pautan pantas

<https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**

**ESCALATE THE PASSION**

---

**Dikeluarkan Oleh:**

**Bahagian Perhubungan Awam dan Multimedia | Jabatan Khidmat Korporat  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh: 02 April 2024**

